



LUKISAN ayam jantan yang menarik perhatian.



SEORANG penari balet yang hilang dalam dimensi tariannya yang mengasyikkan.

Lukisan kontemporari Emilia

Keindahan lukisan batik yang bercirikan seni warisan masyarakat asli Australia, mencurahkan luahan hati yang penuh beremosi daripada Emilia Tan.

Oleh SUBASHINI RAJANDRA
subashini@kosmo.com.my

“**K**EMAHIRAN menguasai kesemua teknik melukis bukanlah matlamat utama saya tetapi menjadi satu titik tolak dalam hidup. Saya membiarkan jiwa saya meninjau keadaan persekitaran dan dari kesilapan, saya melahirkan luahan lukisan yang tersendiri,” kata wanita muda ini. Beliau menggambarkan dirinya sebagai seorang artis yang sedang perlahan-lahan melalui transisi bergelar sebagai pelukis batik yang menyisipkan seni tradisional Orang Asli dari Australia dalam karyanya.

Emilia Tan Mei Shia atau Emilia Tan, 25, baru-baru ini mengadakan pameran versatil di galerinya yang terletak The AmpWalk, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Di situ, terpampang sebahagian cetusan ilham yang menguasai dunia imajinasinya yang tidak dapat dinafikan sungguh luar biasa. Daripada lakaran seorang penari balet yang taksud dalam dimensi yang lain hinggalah coretan haiwan-haiwan liar seperti singa, gajah dan zirafah yang hidup berkelompok di dalam hutan yang penuh misteri.

“Pada usia enam tahun, saya terdedah kepada teknik melukis secara formal di sekolah. Obsesi dan keghairahan saya terhadap warna dan lukisan menyebabkan ibu yang mendaftarkan saya ke kelas lukisan di Banting, Selangor.

“Semenjak itu, warna air menjadi teman sejati saya dan satu-satunya medium warna yang digunakan selama 10 tahun untuk melahirkan perasaan dan idea dalam fikiran,” katanya yang ditemui di Galeri TMS Art @ Galeri Restoran Mustard Tree pada suatu petang yang agak tenang, baru-baru ini.



EMILIA bersama lukisan seorang wanita bertajuk *Butterfly Lady*.

Sewaktu belajar bahasa Mandarin di Taiwan, beliau menanam cita-cita untuk menjelajah ke seluruh rantau Asia dalam usaha mengenali diri, budaya dan adat resam sesuatu kaum.

Dalam perjalanannya selama dua tahun, beliau membuka mindanya kepada penerimaan tradisi pelbagai kaum yang menyimpan rahsia kepada 1,001 teknik dan corak lukisan.

Di bawah tunjuk ajar seorang guru

yang sudah pun terkenal dalam bidang lukisan batik, Fatimah Chik dan seorang lagi insan bernama Samsuddin, Emilia mengisi kekosongan yang dirasainya apabila membongkar seni warisan lukisan tertua di Malaysia, batik di Institut Seni Tekstil dan Rekaan Fesyen Malaysia (M.I.A), Kuala Lumpur.

Semasa berada di Australia dengan hasrat mempromosikan seni batik kepada orang asing, beliau dikecewakan oleh se-

Emilia boleh dihubungi di TMS Art Workshop, No. 10, Jalan Wangsa Budi 6A, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur atau hubungi 03 4141 8154 atau 03 4142 9514.

buah muzium yang enggan mempamerkan rekaannya dengan alasan batik ialah kraf tangan, bukannya lukisan.

Kegagalan ini bagaimanapun tidak memudahkan semangatnya. Emilia secara kebetulan mendapat tahu tentang kekayaan warisan seni Orang Asli Australia.

“Akhirnya, saya menyatukan kedua-dua elemen ini, kesenian Orang Asli Australia dengan batik Malaysia untuk mencipta lukisan kontemporari yang menarik. Inilah yang membuatkan diri saya unik dan berbeza daripada artis sepenuh masa yang lain,” jelasnya.

“Luahan lukisan saya menggabungkan pengaruh dan simbol dari pelbagai budaya yang dipelajari dan ia tidak terikat pada stail batik tradisional.”

Sebab itu, sesiapa sahaja yang mengunjungi galeri Emilia akan tergamam melihat lakarannya yang mengungkapkan mesej yang penuh emosi. Salah satu lakaran beliau yang memperincikan motif yang intrinsik ialah *Butterfly Lady* yang dijual pada harga RM8,000.

“Ini antara lukisan yang paling saya gemari kerana pertama kali saya melihat gambarnya seperti yang dibayangkan oleh pelukis tersohor Mucha di Muzium Mucha, bandar Prague, Republik Czech, saya terus terpegung dan jatuh cinta,” katanya yang pernah mengembara seorang diri selama 70 hari ke seluruh negara Eropah.

Lukisan pertama beliau dibeli oleh syarikat MK Land, bertemakan *Evolution of Life* pada harga RM5,000.